

# KETERANCAMAN MELAYU: ANALISIS KONSEP DAN FAKTOR PENDORONG

*MALAY INSECURITIES:  
ANALYSIS OF THE CONCEPT AND MOTIVATING FACTOR*

Abdul Muqit MUHAMMAD<sup>\*1</sup>

Awang Azman AWANG PAWI<sup>2</sup>

Mohammad Tawfik YAAKUB<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

muqitmuhhammad@um.edu.my

awangazman@um.edu.my

tawfik@um.edu.my

Corresponding author\*

Received: 24th May 2023

Accepted: 20 September 2024

## ABSTRAK

Keterancaman Melayu sering dinisbahkan kepada usaha melindungi kedudukan mereka sebagai peribumi di Malaysia daripada cabaran yang datang daripada etnik-ethnik bukan Melayu. Meskipun isu keterancaman Melayu sering menjadi perbincangan, namun perbincangan secara analitikal mengenai isu ini jarang dikemukakan berbanding dengan keterancaman yang dibincangkan oleh sarjana-sarjana politik antarabangsa dan keselamatan global. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi merumuskan konsep dan faktor keterancaman yang lebih konklusif di samping menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan keterancaman orang Melayu di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif, iaitu dengan kaedah menganalisis kandungan yang diperoleh daripada sumber primer dan sekunder secara deskriptif. Sumber-sumber ini kemudiannya dianalisis menggunakan kerangka konseptual yang telah dibangunkan. Kajian ini mendapati bahawa keterancaman Melayu didorong oleh beberapa faktor, misalnya perasaan tidak lagi dilindungi dengan baik dan berkesan terutamanya oleh parti pemerintah. Selain itu, keterancaman juga terbentuk menerusi pengalaman sosial orang Melayu itu sendiri, misalnya penguasaan ekonomi etnik Cina dalam ekonomi. Ketiadaan identiti sepunya di Malaysia turut mendorong keterancaman kerana setiap etnik saling bersaing untuk mengangkat kebudayaan dan identiti etnik masing-masing sehingga wujudnya pertembungan inter-etnik dalam hal-hal yang melibatkan bahasa, pendidikan dan pembinaan negara bangsa. Propaganda politik turut memainkan peranan besar dalam mempengaruhi keterancaman Melayu sekali gus mendatangkan implikasi yang besar terhadap tingkah laku politik orang Melayu khususnya terhadap pola pengundian.

**Kata kunci:** budaya politik; kedudukan istimewa Melayu; nasionalisme Melayu; persaingan etnik; politik identiti

## ABSTRACT

The insecurities of the Malays frequently attributed to protecting their position as a native ethnic of Malaysia, from the challenges that came from non-Malays ethnicities. Although the issue of Malay insecurities is often a discussion, an analytical discussion of this issue is rarely put forward compared to the insecurities discussed by international and global security scholars. This study was conducted to summarize the concept of Malay insecurity and to analyze the factors that contribute to the insecurity of Malays, guided by concepts that have been discussed. This form of study is qualitative which analyzes content derived from primary and secondary sources descriptively. These sources are then analyzed using conceptual frameworks that have been developed. The results of this study found that the insecurities of the Malays were driven by several factors, for instance the Malays feel no longer protected effectively by the ruling party aside from the social experience of the Malays themselves such as the economic domination of the Chinese. The absence of a shared identity in Malaysia also drives an insecurity as each ethnicity consistently competes to lift each other's culture and ethnic identity until the existence of inter-ethnic clashes, in matters involving language, education, and nation-building. Political propaganda also played an important role in influencing Malay insecurity hence invited great implications for the political behavior of Malays particularly to voting patterns.

**Keywords:** political culture; Malay privilege; Malay nationalism; ethnic rivalry; identity politics

## Pengenalan

Pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang lalu, perbincangan mengenai keterancaman Melayu kerap mendominasi ruang awam. Polemik ketika era pentadbiran Pakatan Harapan (PH) seperti pelantikan bukan Melayu, isu tulisan Jawi, ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Diskriminasi Kaum (ICERD) merupakan satu manifestasi keterancaman Melayu dalam era politik kontemporari. Keterancaman Melayu bukanlah suatu perkara baharu dalam budaya politik orang Melayu, sebaliknya telah berakar lama dalam psikologi orang Melayu. Hal ini menyebabkan orang Melayu begitu sensitif dengan sebarang unsur yang dilihat ingin dan mampu mencabar kedudukan mereka sebagai peribumi di negara ini. Keterancaman yang timbul juga meninggalkan impak yang cukup besar terhadap aspek politik orang Melayu, antaranya mempengaruhi tingkah laku politik orang Melayu sekali gus memberi kesan terhadap pola pengundian orang Melayu. Namun begitu, kajian mengenai keterancaman Melayu di negara ini masih lagi terbatas dan tidak disusun dengan baik meskipun isu mengenai Melayu terancam ini sering diperdebatkan. Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini adalah untuk mengemukakan kerangka konsep keterancaman yang lebih konklusif, dan kedua, menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keterancaman Melayu.

## Sorotan Kajian

Abdul Hamid dan Che Mohd. Razali (2015) dalam *The Changing Face of Political Islam in Malaysia in the Era of Najib Razak, 2009–2013* membahaskan faktor pemerintahan Tunku Abdul Rahman yang bercorak terlalu liberal dan akomodatif terhadap etnik lain turut mencetuskan kegelisahan orang Melayu. Tunku Abdul Rahman terlalu apologetik dalam usaha mengambil inisiatif memperkuatkan kedudukan agama Islam. Pendekatan Tunku Abdul Rahman yang mencetuskan rasa terancam orang Melayu ini akhirnya memberi impak besar terhadap kestabilan politik negara dengan tercetusnya Tragedi 13 Mei 1969.

Tunku Abdul Rahman (2012) yang mengulas Tragedi 13 Mei tersebut menerusi tulisannya yang popular iaitu 13 Mei: Sebelum dan Selepas walau bagaimanapun mendakwa bahawa parti-parti pembangkang ketika itu telah menggunakan sentimen agama dan perkauman bagi meraih sokongan. PAS sebagai contoh menggunakan agama bagi mendapat sokongan pengundi Melayu, manakala parti seperti DAP, Gerakan dan Parti Progresif Rakyat (PPR) memanipulasi perasaan dan sentimen etnik Cina. Tulisan ini telah memberikan satu gambaran bahawa manipulasi sentimen politik juga berhasil membentuk persepsi awam khususnya orang Melayu mengenai isu-isu yang mengancam kedudukan mereka sebagai peribumi.

Melanjutkan perbincangan mengenai krisis antara etnik di Malaysia, Yaakub (2018) dalam tesis kedoktorannya berjudul Kerjasama Politik Melayu-Islam: Analisis Hubungan UMNO-PAS dari tahun 1968 hingga 1978 turut menyentuh psike keterancaman Melayu. Menurut sarjana ini, kemuncak kepada keterancaman Melayu bermula apabila gerakan cauvinisme yang kerap mempersoal dan mengancam kedudukan istimewa orang Melayu telah muncul semula setelah ahli Parlimen Bangsar, Devan Nair telah bertindak menubuhkan DAP bagi menggantikan PAP. Hal ini terserlah menerusi pengisytiharan Deklarasi Setapak pada 29 Julai 1967 walaupun usia DAP baru sahaja mencecah tempoh setahun. Perjuangan DAP ini mewujudkan satu memori keterancaman kepada orang Melayu apabila DAP sentiasa dilihat sebagai satu ancaman kepada politik orang Melayu. Hal ini mengisyaratkan bahawa faktor ancaman terhadap kepentingan Melayu meninggalkan impak yang cukup besar kepada tingkah laku politik orang Melayu.

Means (1972) menerusi makalahnya, '*Special Rights' as a Strategy for Development: The Case of Malaysia* membincangkan isu keterancaman Melayu yang terbentuk daripada instrumen kedudukan istimewa orang Melayu. Menurut sarjana ini, kedudukan istimewa Melayu pada mulanya dilaksanakan sebagai satu instrumen ekonomi yang bertujuan untuk mengarusperdanakan orang Melayu yang sebelumnya tercicir dari arus kemodenan. Kedudukan istimewa Melayu yang sebelumnya hanya memberi kesan psikologi kepada orang Melayu kemudiannya telah berubah menjadi kesan politik. Kedudukan istimewa ini akhirnya telah menjadi isu politik yang sangat sensitif kerana telah memberi isyarat dan simbol kepada identiti Melayu dan sistem politik. Dalam erti kata lain, sistem ini telah membentuk mesej Melayu sebagai tuan di Malaysia, dan bukan Melayu berada dalam negara ini kerana belas ihsan orang Melayu.

Thock (2015) dalam kajiannya yang bertajuk Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina membincangkan fasa baharu politik Malaysia yang lebih berpaksikan ideologi Melayu-Islam. Menurutnya, beberapa langkah drastik telah dilaksanakan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang telah dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak bagi mengendurkan sentimen dan rasa terancam orang Melayu. Antara langkah yang diambil oleh Tun Abdul Razak bagi mengembalikan kepercayaan orang Melayu adalah dengan membuat pindaan terhadap Akta Hasutan pada bulan Ogos 1970 yang mengisyiharkan beberapa isu yang dianggap sensitif dan tidak boleh dipertikaikan lagi iaitu Bahagian III Perlembagaan Persekutuan (kewarganegaraan), Perkara 152 (Bahasa Kebangsaan), Perkara 153 (Kedudukan istimewa orang Melayu dan hak sah bangsa lain) serta Perkara 181 (kedaulatan Raja-raja). Tindakan ini bukan sahaja berjaya memulihkan keyakinan orang Melayu terhadap kerajaan malah memberi kelegaan psikologi terhadap unsur-unsur keterancaman yang cuba ditimbulkan oleh bukan Melayu.

Jaminan tersebut diperkuuhkan lagi dengan penggunaan undang-undang yang seperti Akta Hasutan dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Polis serta Akta Percetakan dan Penerbitan yang menghalang mana-mana individu untuk membangkitkan persoalan sensitif. Hal ini disokong oleh Ahmad (2014) dalam tulisannya Hegemoni Budaya Politik Melayu yang membincangkan impak daripada pengenalan akta dan undang-undang baharu. Bagi sarjana ini, meskipun akta-akta tersebut dikritik keras kerana bercanggah dengan prinsip hak asasi, namun pengekalan akta-akta tersebut memberi kelegaan kepada orang Melayu di samping mengukuhkan hegemoni kuasa politik orang Melayu.

Wan Husin (2015) pula berbeza pandangan dengan Thock dan Ahmad. Menurutnya, persoalan mengenai keterancaman Melayu terus berlebar walaupun dalam keadaan wujud pelbagai bentuk undang-undang yang menghalang isu-isu mengenai kedudukan orang Melayu dipersoalkan. Hal ini kerana, asas keterancaman Melayu bukanlah berkisarkan kawalan politik semata-mata tetapi berbangkit atas asas kebudayaan dan identiti antara etnik. Selaku penduduk asal di Malaysia, etnik Melayu melihat keperluan untuk nilai Melayu-Islam diberi keutamaan di negara ini termasuklah dalam bidang politik, ekonomi, bahasa, pendidikan dan kebudayaan. Berbeza dengan etnik Cina, etnik Cina merasakan nilai Kecinaan mereka telah diabaikan setelah mereka mendapatkan kerakyatan. Bagi etnik Cina, kebudayan mereka perlu dinilai setara dengan nilai Melayu-Islam. Persaingan identiti ini tersingkap menerusi penolakan etnik Cina terhadap Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) yang berteraskan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu (Wan Husin 2015). Penolakan ini menyerlahkan wujud pertembungan identiti antara etnik sehingga mencetuskan keterancaman Melayu.

Menerusi sorotan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa psike keterancaman Melayu merupakan satu psikologi politik yang bersifat multi-dimensi iaitu merangkumi pelbagai faktor politik, ekonomi dan identiti sosial. Kajian mengenai keterancaman Melayu perlu dibincangkan secara berstruktur bagi memastikan perbincangan secara akademik dan analitik dilakukan. Hal ini penting untuk dilaksanakan kerana asas keterancaman sudah tertanam dalam pemikiran dan jiwa orang Melayu, serta memberi kesan kepada tingkah laku politik orang Melayu. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian ini membincangkan keterancaman Melayu secara konseptual serta meneliti faktor-faktor pendorong keterancaman Melayu.

### **Kerangka Konseptual: Konsep Keterancaman**

Ciovacco (2019) ketika memberi takrif keterancaman, beliau terlebih dahulu membawa istilah yang berantonom dengan keterancaman, iaitu keselamatan (*security*) untuk dibincangkan. Menurutnya, *security* ialah istilah yang dipinjam daripada perkataan Latin iaitu *securitas* dan *securus* yang membawa maksud ‘tanpa perlindungan’. Manakala *security* atau keselamatan ialah situasi bebas daripada sebarang bentuk bahaya atau ancaman baik secara fizikal ataupun psikologi. Pada pandangan Ciovacco, ancaman ialah satu bentuk tindakan untuk mencetuskan bahaya dan wujud secara psikologi dalam individu, agama, budaya, gender atau orientasi seksual. Sarjana ini turut membahagikan keterancaman kepada dua ~~aspek~~ bentuk, iaitu berbentuk persepsi atau benar-benar wujud. Keterancaman secara persepsi wujud secara andaian semata-mata manakala keterancaman yang benar-benar wujud boleh diukur secara objektif.

Witsenburg, Karen dan Fred (2012) mentakrifkan keterancaman sebagai satu keadaan yang tidak selamat atau dalam bahaya. Seperti Ciovacco, sarjana ini berpendapat bahawa terdapat perbezaan ketara antara menjadi terancam (*being insecure*) atau berasa terancam (*feeling insecure*). Menjadi terancam boleh dianalisis menerusi fakta dan statistik yang kukuh manakala berasa terancam lebih bersifat subjektif dan persepsi terhadap sesuatu ancaman, atau rasa kurang selamat dan kurang dilindungi. Menurut sarjana ini, sama ada rasa terancam itu bersifat persepsi atau tidak, keterancaman kebiasaannya akan berjaya dimanipulasikan oleh pemimpin tanpa berpandukan maklumat yang jelas terhadap sesuatu ancaman.

Beland (2007) dalam makalahnya berjudul *Insecurity and Politics: A Framework* mendefinisikan keterancaman sebagai perasaan takut disebabkan kurangnya perlindungan. Beland turut menjelaskan istilah keterancaman itu sendiri berasal daripada istilah ‘terancam’ (*insecure*) yang membawa maksud takut, bimbang dan tidak yakin. Kedua, keterancaman juga boleh timbul akibat perasaan sesuatu kumpulan yang merasakan bahawa mereka tidak dilindungi secara memuaskan. Berdasarkan definisi-definisi tersebut, sarjana ini kemudiannya merumuskan maksud keterancaman sebagai “the state of fear or anxiety stemming from a concrete or alleged lack of protection”. Dalam melanjutkan perbincangannya sarjana ini memberi lebih penekanan kepada keterancaman secara kolektif (*collective insecurity*) berbanding dengan keterancaman yang dialami secara individu. Hal ini kerana, meskipun terdapat individu yang mengalami ketakutan dan keterancaman dalam kehidupan seharian, keterancaman secara kolektif lebih memberi impak kerana hal-hal yang bersifat peribadi juga dapat beralih menjadi isu sosial dan politik. Keterancaman secara kolektif didefinisikan sebagai satu proses menilai risiko oleh sesuatu kumpulan atau individu.

Davis (2000) turut mengistilahkan ancaman sebagai satu situasi yang berlaku apabila wujud satu individu atau satu kumpulan manusia yang mempunyai kemampuan dan berhasrat untuk mencetuskan kesan negatif terhadap satu individu atau satu kumpulan yang

lain. Melanjutkan lagi perbincangannya, sarjana ini menggunakan istilah persepsi ancaman berbanding keterancaman dalam kajiannya, kerana ancaman yang dibincangkan masih bersifat persepsi dan spekulatif, iaitu sama ada mungkin berlaku atau pun tidak. Keterancaman secara kolektif ini turut dijelaskan oleh Davis, yang membahagikan keterancaman kepada dua kategori, iaitu ancaman terhadap individu dan ancaman terhadap kumpulan individu atau masyarakat. Ancaman terhadap individu menurutnya ialah ancaman berbentuk fizikal, sama ada ancaman ke atas harta peribadi atau pendapatan, dan kepercayaan serta nilai peribadi. Selari dengan Beland, sarjana ini turut memberi tumpuan kepada keterancaman oleh kumpulan individu atau dalam istilah yang lain, keterancaman secara kolektif kerana keterancaman ini melibatkan beberapa bentuk ancaman yang memberikan impak yang lebih besar misalnya ancaman ketenteraan, ekonomi dan kebudayaan.

Furedi (2018) dalam bukunya *How Fear Works: Culture of Fear in the Twenty-First Century* juga tidak menggunakan istilah keterancaman dalam kajiannya sebaliknya memilih istilah ketakutan. Walaupun begitu, sarjana ini telah menerangkan konsep keterancaman muncul daripada budaya ketakutan yang telah ditanam. Ketakutan yang tertanam tersebut membentuk pula pelbagai bentuk perasaan lain, misalnya perasaan kurang senang dan tidak selesa terhadap sesuatu, sehingga membuatkan mereka berasa takut dan seolah-olah terancam, lemah dan ditindas. Ketakutan bertambah rumit apabila ketakutan telah digunakan untuk kepentingan politik. Persoalan ‘sebab’ untuk masyarakat wajar berasa takut tidak lagi dibincangkan, sebaliknya diganti dengan persoalan mengenai ‘siapa’ dan ‘apa’ yang perlu ditakuti. Menurutnya lagi, keterancaman yang muncul berbeza-beza antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain dan sangat dipengaruhi oleh perbezaan budaya, politik, cara beragama, jantina, umur dan latar belakang ekonomi. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, isu keterancaman di peringkat global lebih menjurus kepada keganasan, pemanasan global, pandemik dan kemusnahaan akibat senjata. Menurut Hough (2008), keterancaman global boleh terdiri daripada ancaman berbentuk ketenteraan, ekonomi, identiti sosial, alam sekitar, kesihatan, bencana dan jenayah.

### Faktor-faktor Keterancaman

Seperti yang dijelaskan oleh Beland, terdapat dua faktor yang mempengaruhi keterancaman iaitu faktor konstruktif sosial (social construct) dan konstruk politik (political construct). Rousseau dan Garcia-Retamero (2007) berpandangan bahawa keterancaman yang terbentuk melalui binaan sosial berpunca daripada ketidakselaruan kuasa (power asymmetries) dan ketiadaan identiti sepunya (shared identity) antara kumpulan yang bersaing. Menerusi teori konflik, sarjana ini menegaskan bahawa kuasa yang tidak seimbang akan mengundang krisis antara kumpulan. Kuasa yang tidak seimbang pula dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu kuasa ekonomi dan kuasa politik. Pengagihan ekonomi yang tidak sekata dan kuasa politik yang hanya tertumpu kepada satu-satu kumpulan sahaja menjadikan kumpulan yang lebih lemah dan kurang berkuasa sama ada dari aspek ekonomi atau politik akan beranggapan bahawa kedudukan mereka dalam keadaan yang tidak stabil dan terancam, manakala kumpulan yang lebih berkuasa pula merasakan mereka mampu untuk mencabar *status quo*. Hujah ini turut disokong oleh Simpson dan Yinger (1985) yang berpandangan bahawa persaingan antara kumpulan bagi merebut kuasa politik dan ekonomi akan mengakibatkan keterancaman selain daripada berpotensi menimbulkan ketidakstabilan politik.

Rousseau dan Garcia-Retamero juga berpendapat bahawa kewujudan identiti sepunya, mampu mengurangkan persepsi negatif antara kumpulan, malah dalam sesetengah kes mampu menyingkirkan unsur-unsur keterancaman yang wujud. Dalam skala yang lebih kecil, identiti sosial yang terjalin secara kolektif antara satu-satu kumpulan akan menyebabkan berlaku pengelasan identiti antara ‘kita’ dan ‘mereka’. Identiti kolektif ini selanjutnya akan melahirkan solidariti kumpulan yang berkongsi nilai, kepercayaan, sikap dan norma yang sama. Solidariti kumpulan inilah yang akhirnya akan membangkitkan perbezaan dalam kalangan kumpulan sendiri dengan kumpulan yang mempunyai identiti yang berbeza. Menurut sarjana ini lagi, teori identiti sosial turut menghuraikan unsur keterancaman yang terbentuk akibat prejudis terhadap kumpulan yang mempunyai identiti yang berbeza (out-group) dengan andaian bahawa kumpulan tersebut mempunyai kemampuan dan niat untuk memberikan kesan negatif kepada kumpulan yang mempunyai identiti yang sama (in-group).

Ketika menjelaskan isu di atas, Beland mengkategorikan dua faktor keterancaman, iaitu (i) keterancaman yang terbentuk akibat binaan sosial (social construct) dan (ii) terbentuk melalui binaan politik (political construct). Kedua-dua faktor ini banyak mempengaruhi keterancaman sesuatu kumpulan secara kolektif. Beland beranggapan bahawa peranan elit politik dalam memanipulasi keterancaman menjadi isu sosial dan politik sangat signifikan khususnya menerusi penetapan agenda (agenda setting) dan proses pembingkaian (framing process) persepsi awam dalam meraih sokongan politik. Melalui penetapan agenda, elit politik akan mengutarakan agenda-agenda politiknya bagi membentuk persepsi awam agar berpihak kepada mereka khususnya isu keterancaman ini. Kedua, proses pembingkaian digunakan oleh elit politik dalam menampakkan diri mereka sebagai pelindung atau penyelesaikan masalah kepada isu-isu yang diutarakan. Hal ini memberikan kesan yang cukup besar dalam mempengaruhi sentimen awam dan membentuk legasi politik yang positif dalam kalangan orang awam.

Beland memberi contoh keterancaman yang terbentuk atas asas sosial menerusi Tragedi 11 September 2001 atau juga dikenali sebagai Tragedi 9/11. Tragedi tersebut mendatangkan kesan sosial dan psikologi kepada rakyat Amerika Syarikat (AS), misalnya trauma, kesedihan, ketakutan dan keterancaman selepas tragedi tersebut berlaku. Kesan sosial dan psikologi tersebut kemudiannya bertukar menjadi kesan politik apabila George W. Bush memanipulasi keterancaman yang dirasai oleh warga AS bagi mendapatkan sokongan politik sekali gus mempengaruhi dasar luar AS. Melalui penetapan agenda atau *agenda setting*, bekas Presiden AS tersebut dalam kempennya telah menggunakan isu keselamatan negara bagi menonjolkan imej serta menunjukkan partinya sahaja yang mampu melindungi AS daripada ancaman penganas. Penonjolan imej pelindung tersebut merupakan sebahagian daripada proses pembingkaian atau *framing process* yang mencetuskan keterancaman dari aspek binaan politik. Menurut Beland, Bush dan Republikan berjaya meningkatkan populariti dan sokongan kepada Republikan melalui kempen berasaskan keterancaman tersebut. Hal yang sama diutarakan oleh Furedi (2018) yang menjelaskan bahawa keterancaman boleh muncul akibat peranan media arus perdana yang memainkan isu-isu keterancaman sebagai satu bentuk propaganda dan manipulasi media.

Keterancaman yang terbentuk melalui binaan politik juga dibincangkan secara lebih terperinci oleh Ciovacco menerusi makalahnya, *The Shaping of Threat Through Narration*. Menurut Ciovacco, ancaman boleh dibentuk secara politik menerusi naratif ancaman. Naratif ancaman penting untuk difahami memandangkan pembentukannya merupakan sebahagian daripada inti penting mengenai ancaman itu sendiri, termasuklah perubahan dasar-dasar negara. Melanjutkan lagi perbincangannya mengenai naratif ancaman, beliau menekankan

peranan media dalam membentuk naratif tersebut misalnya oleh *The Wall Street Journal*. Meskipun fokus ancaman itu ditujukan kepada ancaman oleh kuasa luar seperti Rusia, namun kesan signifikan yang mempengaruhi keterancaman rakyat Amerika Syarikat wajar dilihat. Peranan media dalam membentuk keterancaman kepada rakyat Amerika Syarikat juga boleh dilihat menerusi penonjolan wacana dan debat berkaitan isu hubungan Rusia-Amerika Syarikat yang membawakan sumber-sumber yang dilihat mempunyai autoriti seperti wartawan dan ahli akademik bagi membincangkan isu tersebut. Hal ini membentuk persepsi warga Amerika Syarikat bahawa ancaman daripada Rusia itu benar-benar berlaku kerana naratif tersebut muncul daripada sumber yang berautoriti. Ciovacco turut memetik pandangan William Connolly yang berpendapat bahawa televisyen berperanan membentuk persepsi ancaman yang kemudiannya diketengahkan kepada masyarakat. Naratif yang dimainkan oleh televisyen hakikatnya telah membentuk interpretasi yang tidak jelas kepada masyarakat dan bersifat berat sebelah (bias).

### Keterancaman Melayu

Seperti yang dijelaskan oleh Furedi, keterancaman yang dirasai oleh satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain mungkin berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh faktor budaya, politik, agama dan latar belakang ekonomi yang berbeza. Disebabkan ciri-ciri yang berbeza ini, terdapat beberapa konsep yang perlu dibincangkan menurut sosiobudaya Melayu itu sendiri, iaitu konsep keterancaman dan konsep pelindung. Keterancaman Melayu memiliki epistemologi yang khusus berbanding dengan definisi keterancaman yang dibahaskan oleh sarjana politik di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu, isu keterancaman Melayu perlu dibincangkan menerusi perspektif kebangsaan atau nasionalisme Melayu itu sendiri. Hal ini kerana nasionalisme Melayu itu sendiri secara asasnya didorong oleh faktor keterancaman. Adam (2014) berpandangan bahawa semangat kebangsaan Melayu mempunyai maksud yang sama dengan konsep ‘kemelayuan’ (Malayness) yang disifatkan sebagai semangat untuk mempertahankan kepentingan Melayu sebagai sebuah bangsa, bukan bersifat menghalau penjajah. Jika diteliti, kesedaran berpolitik dalam kalangan orang Melayu juga muncul paling awal sekitar tahun 1930-an akibat keterancaman oleh kaum pendatang. Oleh sebab itu, keterancaman yang dirasai oleh orang Melayu perlu difahami menerusi usaha orang Melayu untuk meletakkan dan memperteguh kedudukan mereka sebagai peribumi di negara ini. Keterancaman tersebut dapat dikesan apabila tertubuhnya banyak pertubuhan Melayu yang *ethno-nationalism*, sejarar dengan konsep kemelayuan itu sendiri. Ancaman oleh golongan pendatang turut dizahirkan oleh Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang diasaskan oleh Eunos bin Abdullah dengan menyifatkan perjuangan utama KMS adalah untuk melindungi orang Melayu daripada ditenggelamkan oleh pendatang-pendatang bukan Melayu, khususnya orang Cina (Adam, 2014).

Sani (2011) menjelaskan bahawa reaksi orang Melayu dalam menghadapi ancaman oleh pendatang bukan Melayu tersebut sebagai penstrukturkan bertahan (defensive structuring), iaitu satu konsep sosiologi yang bermaksud usaha untuk memperkuuh kedudukan diri secara eksklusif bertujuan untuk “membangun dan memelihara identiti budaya dalam keadaan mereka rasakan sebagai ancaman luaran kepada identiti mereka.” Hal ini kerana pendatang bukan Melayu ketika itu sudah mula merasakan diri mereka sebagai penduduk tetap di Tanah Melayu dan sepatutnya memiliki hak yang sama seperti peribumi. Penegasan tersebut membawa erti yang sangat erat dengan unsur keterancaman yang dibincangkan dalam kajian ini. Tuntutan yang berunsurkan kesamarataan, tanpa

mempedulikan kebudayaan asal rantau ini akan mengabaikan hak-hak yang wajar diberikan kepada peribumi.

Embong (2015) juga berpandangan bahawa orang Melayu berasa tidak selesa dengan status Melayu yang hanya dianggap sebagai salah satu kelompok etnik di negara ini kerana dipengaruhi dengan zaman keagungan silam Melayu sehingga masih menganggap Malaysia sebagai “tanah untuk orang Melayu” semata-mata. Oleh sebab itu, orang Melayu masih menganggap nasionalisme Melayu belum lagi selesai kerana kedudukan Melayu di negara ini masih belum kukuh dan berada dalam keadaan terancam dan tidak stabil. Perbincangan di atas menunjukkan bahawa gejala keterancaman itu masih kekal dalam psikologi dan semangat nasionalisme Melayu. Semangat dan kesungguhan tersebut masih berterusan sehingga kini kerana kegagalan menegakkan kemelayuan sesuai sebagai sebuah bangsa di negara ini.

Seperi yang dijelaskan oleh Beland, keterancaman muncul akibat ketiadaan perlindungan bagi menghadapi sebarang bentuk ancaman. Dalam konteks budaya feudal Melayu, kewujudan ‘pelindung’ dianggap sebagai satu perkara yang penting kerana hubungan antara seorang pemerintah (raja) dengan yang diperintah (rakyat) berlaku secara timbal balik, iaitu rakyat akan memberikan sepenuh ketaatan kepada pemerintah, dan sebagai balasannya, pemerintah atau raja perlu menjadi pelindung kepada orang Melayu. Simbol pelindung ini penting dalam budaya politik Melayu kerana bukan sahaja memberikan kesan psikologi kepada orang Melayu tetapi juga memberi kesan politik. Hal ini kerana ia turut menentukan arah ketaatan orang Melayu terutamanya yang menjadi pelindung kepada mereka. Pasca kemerdekaan, peranan raja sebagai pelindung sudah terbatas secara politik apabila institusi beraja tertakluk kepada sistem raja berperlembagaan. Namun demikian, institusi beraja masih memainkan peranan sebagai pelindung yang bersifat simbolik, iaitu salah satu dimensi pelindung dalam budaya politik Melayu selain perlindungan daripada ancaman bersifat politik, ekonomi dan kebudayaan (Muzaffar, 1979)

Muzaffar dalam bukunya *Protector* menjelaskan bahawa persepsi Melayu terhadap raja sebagai pelindung sangat berhubung kait dengan ancaman oleh bukan Melayu, khususnya sejak tahun 1957 apabila kewarganegaraan diberikan kepada bukan Melayu. Dengan pemberian kewarganegaraan tersebut, orang bukan Melayu turut memiliki hak berpolitik yang sebelumnya eksklusif kepada orang Melayu sahaja. Hal ini mewujudkan keterancaman dan kebimbangan bahawa bukan Melayu akan mengancam kedudukan politik orang Melayu dan seterusnya mengambil alih pemerintahan negara. Dalam konteks orang Melayu, keterancaman tersebut dapat diatasi menerusi kewujudan institusi beraja yang memberikan keselesaan psikologi kepada orang Melayu dalam mendepani cabaran tersebut meskipun asas kepada keterancaman tersebut masih lagi samar (Muzaffar, 1979). Namun begitu, Muzaffar berpandangan bahawa pelindung secara simbolik tidaklah sepenting peranan pelindung secara substantif seperti yang dimiliki oleh kepimpinan UMNO. Hal ini kerana, dengan pembentukan raja berperlembagaan, kuasa yang dimiliki oleh raja amat terbatas sekali dan hanya tertumpu kepada urusan hal ehwal agama dan adat istiadat sahaja. Hal ini menyebabkan nilai feudal yang sebatik dalam jiwa orang Melayu telah beralih pula daripada institusi monarki kepada institusi kerajaan iaitu merujuk kepada sebilangan pemimpin politik yang menguasai kerajaan. Hal ini membentuk corak feudalisme baharu yang dikenali sebagai neofeudal. Dengan peralihan feudalisme Melayu kepada pemimpin politik, orang Melayu mengharapkan agar kedudukan mereka dapat dilindungi oleh mereka yang memegang kuasa kerajaan (Ali, 2004). Sebagai pemegang kuasa kerajaan, pemimpin dan parti

politik khususnya yang berada di dalam komponen kerajaan diharapkan dapat menjadi pelindung kepada orang Melayu sama ada dalam aspek politik, ekonomi dan kebudayaan.

Menerusi perbincangan ini, amat jelas bahawa keterancaman boleh terbentuk melalui beberapa faktor utama, iaitu menerusi binaan sosial dan binaan politik. Dalam sesetengah keadaan, kedua-dua binaan ini boleh wujud dalam masa yang sama. Kajian-kajian mengenai isu keterancaman telah banyak dibincangkan oleh sarjana dalam bidang sains politik dan hubungan antarabangsa namun hanya tertumpu kepada politik peringkat antarabangsa dan keselamatan global. Kajian mengenai keterancaman dalam kerangka politik domestik khususnya politik Melayu masih lagi terbatas dan kurang diberi perhatian oleh para sarjana. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan keterancaman Melayu berpandukan konsep dan faktor keterancaman yang diketengahkan oleh sarjana dalam politik antarabangsa dan disesuaikan mengikut konsep keterancaman yang dirasai oleh orang Melayu.

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan sumber sekunder yang diperoleh daripada buku, hasil kajian lepas, jurnal, makalah, media atas talian dan beberapa bahan lain sebagai data kajian. Data-data ini kemudian dianalisis secara kualitatif berpandukan kerangka konseptual keterancaman yang dibincangkan.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Berdasarkan kerangka konseptual yang diuraikan di atas, keterancaman telah didefinisikan sebagai perasaan yang wujud akibat individu atau sesuatu kumpulan tidak lagi berasa dilindungi. Selain itu, terdapat juga beberapa faktor lain yang mempengaruhi keterancaman Melayu yang secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua faktor utama, iaitu faktor binaan sosial dan binaan politik. Melalui binaan sosial, keterancaman terbentuk kerana kumpulan yang berasa terancam merasakan bahawa mereka tidak lagi dilindungi. Selain itu, kuasa ekonomi dan politik yang tidak selari antara etnik dan ketiadaan identiti sepunya turut menjadi punca wujudnya keterancaman ini. Faktor-faktor ini diburukkan lagi apabila keterancaman ini telah dimanipulasikan untuk kepentingan politik pihak-pihak tertentu.

### **Rasa Tidak Dilindungi**

Antara sebab utama keterancaman ialah rasa tidak lagi dilindungi. Dalam budaya politik Melayu, konsep perlindungan atau pelindung merupakan konsep yang penting. Terdapat contoh yang boleh dikemukakan dalam menggambarkan keterancaman yang dihadapi oleh orang Melayu akibat berasa tidak lagi dilindungi. Pertama, isu pemberian kewarganegaraan dan hak mengundi kepada bukan Melayu sekitar tahun 1955. Tunku Abdul Rahman ketika itu dilihat terlalu lemah dalam melindungi kedudukan politik orang Melayu apabila menerima tuntutan MCA yang menuntut agar bukan Melayu diberikan kewarganegaraan dan hak mengundi. Keterancaman itu turut dibangkitkan oleh PAS dan beberapa bahagian dalam UMNO sendiri, khususnya sayap pemuda UMNO yang menegaskan perjanjian untuk memberikan hak mengundi kepada bukan Melayu sebagai tindakan untuk menggadaikan kepentingan Melayu dan membuatkan kuasa politik akan dimonopoli oleh orang Cina. Hashim Ghani, seorang perwakilan Melayu dalam konvensyen UMNO-MCA turut memberi amaran kepada ahli UMNO bahawa kerjasama dengan MCA akan menguntungkan orang Cina

(Merican, 2019). Kegagalan ini dengan jelas menimbulkan keterancaman Melayu bukan sahaja daripada pembangkang seperti PAS, tetapi juga keterancaman dalam kalangan ahli UMNO sendiri akibat gagal menjadi pelindung kepada orang Melayu.

Tunku Abdul Rahman tidak memperlihatkan ketegasannya dalam hal-hal kepentingan Melayu ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia. Tunku Abdul Rahman dilihat tidak berusaha untuk memperkuatkannya kedudukan agama Islam di Malaysia dan terlalu akomodatif terhadap tuntutan bukan Melayu. Tunku Abdul Rahman dengan jelas menyebutkan bahawa Malaya (kemudiannya dikenali sebagai Malaysia) merupakan sebuah negara sekular dan bukanlah sebuah negara Islam yang umumnya difahami (Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Che Hamdan Che Mohd. Razali, 2015). Hal ini menyebabkan orang Melayu berasa kurang senang kerana mereka menganggap agama Islam merupakan elemen penting dalam sejarah dan asas pembentukan negara. Kesan perasaan kurang senang tersebut dapat dilihat melalui pola pengundian dalam pilihan raya umum, khususnya dalam Pilihan Raya Umum Ke-3 (PRU-3) pada tahun 1969. Dalam PRU-3 tersebut, kerajaan Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman telah kehilangan 22 buah kerusi dan memperoleh kurang daripada 50% jumlah keseluruhan undi.

Dalam era politik kontemporari, situasi yang sama turut dihadapi oleh kerajaan PH apabila dilihat tidak mampu untuk menjadi pelindung kepada orang Melayu serta simbol-simbolnya. Polemik pembelajaran tulisan Jawi yang berlaku ketika sesi pentadbiran PH juga membuktikan kelemahan PH kerana memenuhi tuntutan-tuntutan organisasi bukan Melayu seperti Dong Zong dan Gabungan Seni Khat Action Team (SEKAT). Dalam polemik tersebut, PH memutuskan untuk meneruskan pembelajaran tulisan Jawi dengan beberapa langkah penyesuaian. Walau bagaimanapun, langkah penyesuaian tersebut lebih cenderung kepada bukan Melayu apabila Maszlee Malik, Menteri Pendidikan ketika itu memaklumkan bahawa kabinet telah bersetuju untuk mengurangkan bilangan muka surat pembelajaran tulisan Jawi, daripada enam kepada tiga muka surat sahaja dan bersetuju bahawa pembelajaran tulisan Jawi tidak akan dinilai dalam mana-mana ujian atau peperiksaan (Ismail, 2019). Tindakan ini menjadi titik permulaan yang menggambarkan kerajaan tunduk kepada tekanan bukan Melayu. Selain itu, kerajaan telah memutuskan bahawa pengenalan tulisan Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kepada murid tahun empat sekolah jenis kebangsaan (SJK) dijalankan secara pilihan sahaja, iaitu hanya dilaksanakan sekiranya dipersetujui oleh PIBG serta ibu bapa dan murid (Abu Bakar, 2019). Tindakan PH untuk mengurangkan bilangan muka surat pembelajaran Jawi dan keputusan agar pembelajaran ini dijalankan secara pilihan tidak dianggap oleh orang Melayu sebagai satu keputusan menang-menang sebaliknya satu keputusan yang memenangkan etnik bukan Melayu.

### **Ketidakselarian Kuasa**

Isu etnik di Malaysia turut merangkumi ketidakselarian kuasa antara kaum. Secara umumnya, ketidakselarian kuasa antara etnik khususnya etnik Melayu dengan Cina telah diterima sebagai suatu yang normal, bahawa orang Melayu menguasai politik manakala Cina pula menguasai ekonomi. Perkara ini diakui sendiri oleh Tunku Abdul Rahman (2007) dalam tulisannya *Political Awakening* bahawa kuasa politik di negara ini merupakan milik orang Melayu, manakala ekonomi pula ialah milik bukan Melayu khususnya Cina (Tunku Abdul Rahman 2007, p.97).

Kegagalan orang Melayu dalam menguasai ekonomi mewujudkan nasionalisme Melayu yang saling bertaut, iaitu nasionalisme politik dan nasionalisme ekonomi. Menurut

Shamsul (1997), nasionalisme tersebut diasaskan atas semangat untuk ‘merampas kembali’ (repossessing) dominasi politik dan ekonomi oleh Inggeris dan imigran. Orang Melayu juga masih beranggapan bahawa penguasaan politik dan ekonomi mereka telah dirampas segalanya di rumah sendiri (*being dispossessed at one's own home*) (Shamsul, 1997). Nasionalisme ekonomi dalam kalangan orang Melayu ini akhirnya menjelaskan konsep baharu politik Melayu, iaitu “Ketuanan Melayu” (Malays’ supremacy) yang dipopularkan oleh seorang pemimpin UMNO dari Kelantan, iaitu Abdullah Ahmad atau lebih dikenali sebagai Abdullah Kok Lanas. Idea Ketuanan Melayu meninggalkan kesan yang cukup besar dan diterima pakai secara meluas sehingga ke hari ini bagi mempertegas dominasi politik Melayu.

Walaupun demikian, terdapat pandangan lain yang mengatakan bahawa dikotomi penguasaan politik dengan ekonomi oleh etnik tertentu sudah semakin kabur, khususnya setelah liberalisasi kewarganegaraan sekitar tahun 1950-an. Liberalisasi kewarganegaraan ini telah memberikan hak berpolitik yang lebih luas kepada bukan etnik Melayu berbanding tahun-tahun sebelumnya (Wan Hashim, 2014). Walau bagaimanapun, pandangan ini mengabaikan realiti pelaksanaan di Malaysia yang masih bersifat menghalang (restrictive) kepada bukan Melayu. Dalam kalangan etnik tertentu, masih wujud rasa tidak puas hati kerana liberalisasi tersebut tidak membuka peluang sepenuhnya kepada bukan Melayu. Masih terdapat halangan tertentu kepada bukan Melayu misalnya masih terdapat negeri yang memperuntukkan jawatan Menteri Besar mestilah terdiri daripada orang Melayu sahaja. Hal ini membuktikan bahawa masih wujud satu ruang yang tidak setara antara Melayu dan bukan Melayu khususnya dalam politik dan pentadbiran awam. Mereka juga percaya bahawa orang Melayu sepatutnya berkongsi kuasa politik dengan mereka (Chin, 2018). Hal sebaliknya berlaku kepada orang Melayu, mereka masih merasakan kedudukan mereka dalam ekonomi masih tidak berubah dan dalam masa yang sama pengaruh politik mereka semakin berkurang.

Dalam konteks sosioekonomi di Malaysia, kesenjangan ekonomi ini boleh diukur menerusi dua perspektif, iaitu jurang antara etnik (inter-ethnic) dan jurang dalam etnik itu sendiri (intra-ethnic). Namun begitu, jurang ekonomi antara etnik lebih wajar diberi tumpuan kerana isu ini mampu mencetuskan babit-babit konflik antara etnik. Kewujudan jurang ekonomi sangat ketara. Etnik Melayu (dan Bumiputera) masih jauh ketinggalan dalam aspek ekonomi termasuklah pegangan ekuiti jika dibandingkan dengan etnik lain khususnya etnik Cina. Ketidakseimbangan ekonomi inilah yang menjadi antara pencetus utama Tragedi 13 Mei 1969 (Ali, 2008).

Sehingga sekarang, isu ketidakseimbangan ekonomi masih melatari sosioekonomi negara meskipun pelaksanaan DEB sudah puluhan tahun berakhir, iaitu pada tahun 1990. Walaupun terdapat kejayaan pelaksanaan DEB, misalnya kejayaan menurunkan kadar kemiskinan daripada 48.9% pada tahun 1970 kepada 16% pada tahun 1990, namun demikian masih terdapat beberapa ketaksamaan (inequality) atau jurang antara etnik, misalnya dalam aspek pecahan kekayaan mengikut kelas aset, pemilikan aset kewangan dan pemilikan aset harta yang menunjukkan masih terdapat jurang antara etnik (Abdul Khalid, 2017). Jurang antara etnik yang masih wujud ini menyebabkan kekecewaan terhadap pelaksanaan dasar tersebut, dan dasar ini terus menjadi tumpuan kritikan bukan Melayu.

Kegagalan untuk merapatkan jurang tersebut dapat dilihat melalui beberapa indikator ekonomi lain, seperti pendapatan isi rumah, pemilikan aset kewangan dan aset harta. Pendapatan isi rumah sebagai contoh, pendapatan isi rumah etnik Cina pada tahun 2009 melebihi 1.38 kali ganda berbanding dengan pendapatan kelompok Bumiputera. Begitu juga dengan pemilikan aset kewangan, lebih 72% rakyat Malaysia yang tidak memiliki aset kewangan terdiri daripada kelompok Bumiputera manakala etnik Cina ialah 21% dan India

sebanyak 7%. Aspek pemilikan aset harta juga menunjukkan perkara yang sama, iaitu 74.3% mereka yang tidak memiliki aset hartanah ialah Bumiputera, berbanding dengan etnik Cina sebanyak 16.8% dan etnik India sebanyak 9% (Abdul Khalid, 2017). Berdasarkan perbincangan ini, didapati bahawa faktor tumpuan kuasa yang tidak selari antara etnik dalam aspek ekonomi mahupun politik telah menyebabkan timbul perasaan prejedis antara etnik sekali gus menimbulkan persepsi keterancaman. Situasi ini mempengaruhi persepsi Melayu yang menganggap kedudukan Melayu berada dalam keadaan yang tidak selamat dan terancam akibat penguasaan ekonomi daripada etnik lain, khususnya etnik Cina.

### **Ketiadaan Identiti Sepunya**

Ketiadaan identiti sepunya antara etnik utama di Malaysia turut menjadi faktor tercetusnya psike keterancaman. Masalah ketiadaan identiti sepunya masih dibahaskan hingga kini meskipun sudah puluhan tahun Malaysia mencapai kemerdekaan. Disebabkan kegagalan Malaysia membentuk sebuah negara bangsa yang mempunyai ciri-ciri nasional yang sama, usaha untuk membina sebuah-bangsa yang sepadu masih diteruskan sehingga ke hari ini kerana etnik-etnik di Malaysia wujud sebagai satu masyarakat majmuk, dan hal ini disebutkan oleh Furnivall sebagai hidup sebelah-menyebelah tetapi berasingan dalam unit politik yang sama (Ali, 2008). Keharmonian yang wujud di Malaysia hanya berteraskan semangat tolak-ansur yang rapuh dan perpaduan yang tidak hakiki walaupun Malaysia dilihat berkemampuan untuk menguruskan kepelbagaiannya etnik, agama dan budaya. Gudeman (2002) menyimpulkan bahawa hubungan multibudaya antara etnik di Malaysia sebagai “individual harmony, group tension”, iaitu hubungan yang dinamik antara etnik di Malaysia.

Dalam membentuk sebuah bangsa yang kukuh, mereka perlu memiliki beberapa identiti sepunya sebagai asas perkongsian wilayah, ekonomi, bahasa dan psikologi secara bersama. Kegagalan membentuk identiti ini menyebabkan perasaan terancam akibat perbezaan yang ketara antara ‘kita’ sebagai etnik yang sama dan ‘mereka’ sebagai etnik yang lain. Keadaan ini disebutkan sebagai “satu negara, banyak bangsa” (one state many nations). Hal ini menyebabkan persaingan berlaku antara etnik dalam membentuk sebuah bangsa idaman yang berbeza-beza kerana setiap etnik berusaha untuk memperjuangkan identiti dan kebudayaan etnik masing-masing. Misalnya orang bukan Melayu membayangkan sebuah bangsa yang memiliki taraf kebudayaan serta hak-hak yang sama seperti Bumiputera sedangkan orang Melayu menganggap bahawa bangsa ini perlu mempunyai kesinambungan dengan sejarah dan masa silam orang Melayu sesuai dengan status orang Melayu sebagai pemilik asal negara ini (Shamsul, 1996). Persaingan untuk mewujudkan bangsa idaman yang berbeza antara etnik itu dapat dilihat menerusi penolakan bukan Melayu terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971. Mereka menganggap dasar tersebut sebagai satu bentuk pemaksaan identiti dan bersifat ‘Malay-centric’ (Adam, 2014). Selain itu, persaingan ini juga dapat dilihat melalui gerakan kebudayaan dan pendidikan Cina yang teguh mempertahankan sebarang usaha untuk menafikan kebudayaan dan pendidikan Cina di Malaysia. Usaha untuk memperteguh kebudayaan lain dan menolak usaha mengukuhkan kebudayaan asal rantau ini juga dilihat sebagai satu bentuk ancaman kebudayaan oleh orang Melayu. Oleh itu, peranan identiti sepunya dalam membentuk rasa terancam khususnya oleh orang Melayu begitu signifikan untuk dibincangkan.

Polemik mengenai pengiktirafan Unified Examination Certificate (UEC) memberi gambaran mengenai keterancaman Melayu. Perjuangan untuk mengiktiraf UEC oleh pertubuhan pendidikan Cina seperti Dong Zong tidak dianggap sebagai perjuangan biasa

sebaliknya bertujuan untuk memelihara kebudayaan dan identiti etnik Cina di Malaysia (Collins, 2006). Pertubuhan tersebut dengan tekad menolak saranan Laporan Talib, dan memilih untuk mewujudkan sekolah-sekolah persendirian Cina tanpa mendapat sebarang peruntukan daripada kerajaan. Kewujudan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina merupakan salah satu manifestasi pemeliharaan identiti etnik Cina di Malaysia (Raman & Tan, 2015). Perjuangan pertubuhan Cina seperti Dong Zong juga sukar diinterpretasikan sebagai sikap hanya segelintir masyarakat Cina. Hal ini kerana, Dong Zong menerima sokongan padu daripada kebanyakan orang Cina.

Berbeza penerimaannya dalam kalangan orang Melayu, pengiktirafan terhadap UEC dilihat sebagai satu simbol penolakan terhadap identiti negara yang berteraskan kebudayaan Melayu. Penolakan terhadap dasar-dasar pendidikan yang menekankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dianggap sebagai satu tindakan yang tidak patriotik. Hal ini menghalang usaha untuk mewujudkan dasar integrasi nasional, misalnya Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Wawasan 2020 yang bermatlamat untuk mewujudkan integrasi etnik dan sebuah bangsa Malaysia yang berdedikasi kepada negara (Segawa, 2007). Oleh sebab ketiadaan identiti sepunya, perasaan solidariti nasional antara etnik masih kabur sekali gus mencetuskan krisis antara etnik. Kegagalan untuk menguruskan krisis ini berpotensi untuk mewujudkan konflik antara etnik di Malaysia.

### **Binaan Politik**

Selain faktor sosial yang banyak menyebabkan keterancaman Melayu berlaku, faktor politik turut menjadi penyumbang pembentukan perasaan keterancaman dalam kalangan orang Melayu. Pembentukan keterancaman menerusi binaan politik sering dipengaruhi oleh *agenda setting* dan *framing process* yang bersifat propaganda parti-parti politik tertentu bagi mengekalkan kekuasaan dan kelangsungan parti. Pengaruh politik dalam keterancaman ini boleh dilihat dengan jelas melalui amalan politik UMNO dan BN ketika menjadi kerajaan bagi mengekalkan kekuasaan politik mereka. Antara amalan mereka ialah mengawal media arus perdana sepanjang menjadi kerajaan dan penyalahgunaan jentera penerangan kerajaan bagi menyebarkan propaganda. Bagi mengukuhkan hegemoni kuasa, kerajaan BN telah menggunakan kaedah perundungan untuk mengawal media, seperti penggunaan undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1986 dan Akta Hasutan 1948. BN turut mengukuhkan propaganda mereka dengan menguasai beberapa akhbar arus perdana seperti Utusan Malaysia, New Straits Times dan Sin Chew Daily (Peng, 2002).

Dalam masa yang sama, pengamalan media yang berat sebelah tidak memberi peluang yang adil kepada parti pembangkang untuk menjawab dakwaan dan tuduhan terhadap mereka. Misalnya, Pasca PRU-13, *Utusan Malaysia* mengeluarkan satu artikel bertajuk *Apa lagi Cina Mahu?* dan *Tsunami Cina* bagi memberi gambaran salah terhadap penolakan rakyat terhadap BN, dan sekali gus membentuk ketakutan orang Melayu terhadap ancaman etnik Cina (Siang, 2014). Penyalahgunaan jentera penerangan kerajaan untuk tujuan propaganda dibuktikan melalui penubuhan unit khas untuk menjalankan tugas-tugas propaganda politik. Unit khas ini dikenali sebagai Hal Ehwal Khas dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Disebabkan keterancaman yang berlaku akibat binaan politik ini, tanpa disedari UMNO dan BN juga gagal mempertahankan hak-hak orang Melayu, misalnya dalam isu tanah rizab Melayu yang semakin menyusut, isu pengukuhan bahasa kebangsaan dan isu-isu lain.

Dalam era pentadbiran PH, tindakan PH melakukan rasionalisasi aset Tabung Haji (TH) telah dijadikan satu propaganda politik oleh pihak pembangkang khususnya UMNO dan PAS. Keterbatasan maklumat dan kesukaran dalam memahami hal-hal yang kompleks menyebabkan orang Melayu terdedah dengan maklumat yang tidak tepat dan sekali gus menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan propaganda pembangkang. Langkah rasionalisasi aset TH merupakan sebahagian daripada Pelan Penstrukturran dan Pemulihan TH yang telah mengalami defisit sebanyak RM4.1 bilion setakat 31 Disember 2017. Antara langkah untuk memulihkan semula masalah kewangan TH ialah memindahkan aset yang tidak membawa keuntungan, iaitu aset yang bernilai sekitar RM19.9 bilion. Aset tersebut dipindahkan kepada syarikat tujuan khas (SPV) yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan, iaitu Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB). Aset tersebut merangkumi harta hasil seperti tanah yang dibeli oleh 1MDB pada tahun 2015 dan ekuiti yang merosot sebanyak 20% sejak diambil alih oleh TH, seperti saham dalam Felda Global Ventures (FGV) (Ashraf, 2018). Pemindahan aset ini digambarkan oleh sesetengah pihak sebagai langkah menjual aset TH kepada bukan Melayu.

Ketepatan tindakan PH dalam merasionalisasikan aset TH disahkan apabila Perdana Menteri Malaysia kelapan, Muhyiddin Yassin memaklumkan secara bertulis di Dewan Rakyat selepas kejatuhan PH bahawa tindakan tersebut selaras dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan dan Penstrukturran TH. Kesan tindakan rasionalisasi aset tersebut, TH telah memperoleh lebihan aset berbanding liabiliti sebanyak RM1.9 bilion. Selain itu, Muhyiddin Yassin turut menegaskan bahawa TH tidak dikuasai oleh bukan Islam (Bernama, 2020). Pemakluman tersebut dilakukan ketika menjawab soalan Mujahid Yusof selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mengenai kedudukan semasa aset TH dan persoalan sama ada kerajaan PH telah menjual banyak aset TH serta membiarkan TH dikuasai oleh orang bukan Islam. Hal ini membuktikan bahawa faktor manipulasi politik merupakan faktor penting yang tidak dapat diabaikan dalam membincangkan isu keterancaman Melayu.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa keterancaman boleh tercetus akibat dua faktor utama, iaitu keterancaman yang tercetus akibat perubahan sosial dalam masyarakat dan kedua, manipulasi elit politik. Faktor sosial misalnya tumpuan kuasa yang tidak selari dan ketiadaan identiti sepunya antara etnik di Malaysia telah menyebabkan orang Melayu cuba untuk memperteguh kedudukan mereka secara politik bagi mendepani cabaran yang datang daripada etnik lain. Selain itu, peranan politik dalam membentuk pendapat awam terhadap isu-isu keterancaman Melayu juga tidak dapat dinafikan, khususnya apabila wujud kawalan kerajaan terhadap media dan jentera penerangan kerajaan. Melalui kawalan terhadap media dan institusi kerajaan, isu keterancaman digunakan bagi meraih kepentingan politik dan ekonomi sesetengah elit politik. Pasca kemenangan PH, isu-isu keterancaman Melayu masih semakin giat dimainkan terutamanya oleh gabungan kerjasama politik UMNO-PAS sehingga membawa kesukaran kepada PH untuk menangkis propaganda pembangkang. Hal ini terbukti dalam beberapa isu, antaranya isu penguasaan bukan Melayu dalam TH yang telah terbukti hanya bersifat propaganda semata-mata. Kajian ini dapat menjadi landasan bagi memahami isu-isu keterancaman Melayu yang kerap dibincangkan dalam tempoh pentadbiran kerajaan PH.

## Rujukan

- Abu Bakar, J. M. (2019, December 30). Hanya tiga muka surat, mengapa masih berkeras? *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/63803/BERITA/Nasional/Hanya-tiga-muka-surat-mengapa-masih-berkeras>
- Abdul Hamid, A. F. & Che Mohd. Razali, C. H. (2015). The changing face of political Islam in Malaysia in the era of Najib Razak, 2009–2013. *Sojourn*, 30(2), 301–337. <https://doi.org/10.1355/sj30-2a>
- Abdul Khalid, M. (2017). *Antara dua darjah: Agihan pendapatan di Malaysia*. Dubook Press.
- Adam, A. (2014). *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad, N. S. Y. (2014). *Hegemoni Budaya Politik Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali, S. H. (2004). *Merdeka rakyat dan keadilan: Kumpulan artikel mengkritik dasar-dasar UMNO-BN dan mengemukakan asas-asas politik menuju Malaysia baru*. SIRD.
- Ali, S. H. (2008). *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*. Harakah.
- Ashraf, K. (2018, December 11). TH umum pelan pemulihan, aset RM19.9 bilion dipindahkan. *FMT*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/12/11/th-umum-pelan-pemulihan-aset-rm19-9-bilion-dipindahkan/>
- Beland, D. (2007). Insecurity and Politics: A framework. *The Canadian Journal of Sociology*, 32(3), 317–340.
- Bernama. (2020). *Tabung Haji tidak dikuasai bukan Islam – PM Muhyiddin*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/07/tabung-haji-tidak-dikuasai-bukan-islam-pm-muhyiddin/>
- Chin, J. (2018). From Ketuanan Melayu to Ketuanan Islam: UMNO and the Malaysian Chinese. In B. Welsh (Ed.), *The end of UMNO? essays on Malaysia's dominant party* (pp. 255–296). SIRD.
- Ciovacco, C. (2019). The shaping of threat through narration. *Journal of Strategic Security*, 13(2), 48–63.
- Collins, A. (2006). Chinese educationalists in Malaysia. *Asian Survey*, 46(2), 298–318.
- Davis, J. W. (2000). *Threats and promises: The pursuit of international influence*. Johns Hopkins University Press.
- Embong, A. R. (2015). *Negara-bangsa: Proses dan perbahasan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Furedi, F. (2018). *How fear works: Culture of fear in the twenty-first century*. Bloomsbury Continuum.
- Gudeman, R. H. (2002). Multiculturalism in Malaysia: individual harmony, group tension. *Macalester International*, 12(1), 138–160.
- Hough, P. (2008). *Understanding global security* (Second Edi). Routledge.
- Ismail, I. S. (2019, August 8). Tulisan khat dilaksanakan secara pilihan - Maszlee. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/594127/tulisan-khat-dilaksanakan-secara-pilihan-maszlee>
- Means, G. P. (1972). “Special Rights” as a strategy for development: The case of Malaysia. *Comparative Politics*, 5(1), 29. <https://doi.org/10.2307/421353>
- Merican, Y. M. (2019). *Malay nationalism*. 16(1), 291–301.
- Muzaffar, C. (1979). *Protector*. Aliran.
- Peng, C. T. (2002). *Media massa dan hegemoni Barisan Nasional: Satu kajian kes ke atas*

- peranan media dalam pengurusan krisis kewangan 1997 di Malaysia.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rousseau, D. L., & Garcia-Retamero, R. (2007). Identity, power, and threat perception. *Journal of Conflict Resolution*, 51(5), 744–771. <https://doi.org/10.1177/0022002707304813>
- Raman, S. R. & Tan Y. S. (2015). *The development of Chinese education in Malaysia: Problems and challenges* (No. 2).
- Sani, R. A. (2011). *Asal-usul sosial golongan kiri Melayu: Satu analisis berkenaan Kesatuan Melayu Muda*. SIRD.
- Segawa, N. (2007). Malaysia's 1996 Education Act: The impact of a multiculturalism-type approach on national integration. *Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 22(1), 30–56.
- Shamsul, A. B. (1996). Nations-of-Intent in Malaysia. *Asian Forms of the Nation*, 323–347.
- Shamsul, A. B. (1997). The economic dimension of Malay nationalism. *The Developing Economies*, 35(3), 240–261.
- Siang, L. H. (2014). *Tsunami Cina: Retorik atau realiti*. Genta Media.
- Simpson & Yinger. (1985). *Racial and cultural minorities: An analysis of prejudice and discrimination*. (5th ed.). Plenum.
- Thock, K. P. (2015). *Ketuanan politik Melayu: Pandangan kaum Cina*. Penerbit Universiti Malaya.
- Tunku Abdul Rahman. (2007). *Political Awakening*. Pelanduk Publications.
- Tunku Abdul Rahman. (2012). *13 Mei Sebelum dan Selepas*. Utusan Publications & Distributors.
- Wan Hashim. (2014). *Hubungan etnik di Malaysia*. ITBM.
- Wan Husin, W. N. (2015). *Peradaban dan perkauman di Malaysia: Hubungan etnik Melayu-Cina*. Penerbit Universiti Malaya.
- Witsenburg, K. & Zaal, F. (2012). Spaces of insecurity. In K. & F. Z. Witsenburg (Ed.), *Spaces of insecurity: Human agency in violent conflicts in Kenya* (pp. 1–19). African Studies Centre.
- Yaakub, M. T. (2018). *Kerjasama politik Melayu-Islam: Analisis hubungan UMNO-PAS dari tahun 1968 hingga 1978*. [Disertasi kedoktoran, Universiti Malaya].